

UUM ONLINE: Sebelas buah universiti yang terletak di Segi Tiga Indonesia-Malaysia dan Thailand (IMT-GT) menandatangani majlis persefahaman bagi menganjurkan karnival sukan, seminar dan kebudayaan yang membabitkan pelajar dari tiga buah negara.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, majlis menandatangani persefahaman ini menjadi sejarah setelah 16 tahun ditubuhkan akhirnya perlembagaan yang boleh memandu kolaborasi antara universiti ini ditandatangani.

Katanya, dengan perlembagaan dan dokumen yang dimeterai ini akan membolehkan mereka bergerak ke hadapan sehingga berjaya sekaligus akan memudahkan pemimpin akan datang bagi menjalankan program yang dirancang secara bersama.

"Saya melihat dokumen yang ditandatangani ini akan melengkapkan serta menyumbang dalam konteks negara Asean' ujar beliau dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani persefahaman IMT-GT yang diadakan di EDC-UUM pagi tadi.

UUM merupakan teraju utama kepada pelaksanaan program IMT-GT yang dianjurkan pada 1995 hasil daripada jalinan awal dengan beberapa universiti di SelatanThailand dan diikuti dengan Universiti di Indonesia.

Sementara itu Presiden IMT-GT Prof Datuk Dr Omar Osman dalam ucapan aluannya berharap majlis menandatangani rangkaian antara 11 buah universiti ini akan merealisasikan hasrat untuk menganjurkan seminar, kebudayaan dan sukan setiap tahun secara bergilir-gilir.

Katanya bukan mudah untuk menjalin hubungan secara serentak di majlis seperti ini dan berharap setiap universiti yang akan menjadi tuan rumah akan menyediakan tempat dan menyusun program seperti yang dirancang.

"Kami melihat program ini juga dapat menghimpunkan 1,000 pelajar dari tiga buah negara secara serentak bagi menyertai acara sukan, seminar dan kebudayaan seperti yang digariskan dalam perlembagaan," katanya.

Di majlis itu kesemua 11 universiti dari tiga buah negara iaitu Malaysia, Thailand dan Indonesia menandatangani dokumen persefahaman.

Pada tahun ini Universiti Negeri Medan, Indonesia akan menjadi tuan rumah kali ke 13 pada November depan dan diikuti dengan UUM pada tahun 2012.

Turut hadir di majlis ini Penolong Setiausaha, Bahagian Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Ahmad Naim Ismail.

Habis.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my